

5226/2  
Tasawwur Islam  
Tingkatan 5  
Peperiksaan Percubaan SPM  
Ogos 2019  
2 1/2 Jam



SMK SUNGAI BESI  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM  
TAHUN 2019

---

---

**TASAWWUR ISLAM**  
**KERTAS 2**  
**DUA JAM TIGA PULUH MINIT**

---

---

*JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DI BERITAHU*

NAMA : \_\_\_\_\_

TINGKATAN : \_\_\_\_\_

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi **tujuh** soalan .*
  2. **Soalan 1** mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan dari mana-mana soalan berikutnya.
  3. Kesemuanya **lima** soalan yang mesti dijawab.
- 
- 

**Kertas ini mengandungi 5 halaman yang bercetak**

Disediakan oleh :

Disemak oleh :

Disahkan oleh :

.....  
(NORAZLINA BT ABDUL HALIM )  
Ketua Panitia Tasawwur Islam  
SMK Sungai Besi

.....  
(PN SARENIE KINSAU)  
Ketua Bidang Kemanusiaan  
SMK Sungai Besi

.....  
( )

**Soalan 1** mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.

- 1 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan Uluhiyyah ? [ 2 markah ]
- (ii) Jelaskan dua konsep Uluhiyyah [ 4 markah ]
- (b) Alam merupakan salah satu makhluk ciptaan Allah S. W. T. Nyatakan dua bahagian alam beserta maksudnya. [ 4 markah ]
- (c) (i) Wahyu diperlukan walaupun manusia dikurniakan akal yang sempurna. Berikan sebab mengapa wahyu masih diperlukan oleh manusia?. [ 2 markah ]
- (ii) Jelaskan **dua** hikmah wahyu diturunkan secara beransur-ansur selama 23 tahun. [ 4 markah ]

(d)



Gambar Kegiatan Pembalakan Haram

- Huraikan kesan kegiatan di atas terhadap kehidupan manusia. [ 4 markah ]
- 2 (a) Rabbaniyyah bermaksud ketuhanan iaitu segala hukum, konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang terkandung dalam Islam bersumberkan wahyu Allah dan hadis.
- (i) Jelaskan prinsip rabbaniyyah. [ 2 markah ]
- (ii) Terangkan **dua** cara menghayati sifat rabbaniyyah dalam kehidupan seharian. [4 markah]
- (b) Islam adalah agama yang sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman.
- (i) Terangkan ciri-ciri hak asasi manusia dalam Islam. [ 2 markah ]

- (ii) Terangkan **dua** bukti yang menunjukkan Alamiyyah Islam dalam bidang perundangan [4 markah]
- (c) (i) Jelaskan **dua** kelebihan sifat Murunah. [ 4 markah ]
- (ii) Amirah mengalami muntah dan sakit perut selepas makan malam di sebuah Restoran. Beliau ke klinik pada pukul 1 pagi untuk mendapatkan rawatan daripada seorang doktor lelaki.
- Bincangkan** garis panduan yang disediakan oleh Islam dalam situasi di atas. [ 4 markah ]
- 3 (a) (i) Nyatakan maksud negara Islam. [ 2 markah ]
- (i) Jelaskan **dua** ciri negara Islam. [ 4 markah ]
- (b) (i) Jelaskan **dua** matlamat kehakiman Islam. [ 4 markah ]
- (ii) Terangkan peraturan keterangan dalam perbicaraan di mahkamah. [ 2 markah ]
- (c) (i) Jelaskan **dua** tanggungjawab manusia terhadap Allah swt. [ 4 markah ]
- (ii) Antara tanggungjawab sosial yang perlu dilakukan dalam sesebuah masyarakat ialah mengamalkan amar makruf nahi mungkar.
- Terangkan akibat sekiranya tanggungjawab di atas diabaikan. [ 4 markah ]
- 4 (a) (i) Nyatakan pengertian harta. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** cara menguruskan harta menurut Islam. [4 markah]
- (b) Memiliki harta merupakan fitrah manusia.
- (i) Jelaskan **dua** konsep pemilikan harta menurut Islam. [4 markah]
- (ii) Huraikan **dua** sebab Islam membataskan hak milik dalam pemilikan harta. [ 4 markah ]
- (c) (i) Apakah implikasi daripada muamalah yang tidak mengikut sistem Islam? [2 markah ]

- (ii) Darpada Zubair ibn Awwam ra bahawa Rasulullah saw bersabda,  
*“ Seseorang yang mengambil seutas tali kemudian pergi ke bukit untuk mendapatkan seberkas kayu api, lalu menjualnya untuk mendapatkan wang adalah lebih baik daripada seseorang yang meminta daripada manusia yang belum tentu diberi atau tidak.”*

[Al-Bukhari dan Ahmad]

Berdasarkan hadis di atas, bincangkan bagaimana muamalah Islam dapat meningkatkan kualiti kehidupan manusia. [4 markah]

5 Perundangan Islam lengkap dan merangkumi semua aspek kehidupan manusia.

(a) (i) Nyatakan pengertian perundangan Islam. [ 2 markah ]

(ii) Nyatakan **dua** keperluan perundangan Islam dalam kehidupan manusia. [ 4 markah ]

(b) (i) Nyatakan pengertian istilah-istilah berikut : [ 4 markah ]

1. Fatwa
2. Ijtihad
3. Fikah
4. Qadha

(ii) Terangkan **dua** hikmah orang yang sentiasa melakukan ibadat kepada Allah s.w.t. [ 4 markah ]

(c) (i) Jelaskan bukti keengganan berkahwin boleh mendatangkan keburukan. [ 2 markah ]

(ii) Seseorang beranggapan hukuman sebat terhadap pezina dianggap zalim.

Berikan hujah anda untuk menolak anggapan tersebut. [ 4 markah ]

6 (a) (i) Jelaskan **dua** langkah dalam penyelesaian masalah menurut Islam. [ 2 markah ]

(ii) Senaraikan **empat** amalan dalam penyelesaian masalah secara Islam. [ 4 markah ]

(b) (i) Terangkan **dua** cara Islam menyelesaikan isu jaminan keselamatan melalui akhlak. [ 4 markah ]

(c) (i) Jelaskan keburukan penyelesaian masalah secara konvensional. [ 2 markah ]

- (ii) Faktor kemiskinan dikenapasti sebagai antara punca berlaku masalah keciciran pelajar sekolah yang menggelapkan masa depan dan menafikan peluang untuk mengubah kehidupan keluarga mereka.
- Cadangkan langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah di atas. [ 4 markah ]
- (d) (i) Jelaskan **dua** kelebihan penyelesaian masalah menurut Islam. [ 4 markah ]
- 7 (a) (i) Nyatakan **dua** contoh muamalah yang dibenarkan dalam Islam. [ 2 markah ]
- (ii) Jelaskan **dua** faedah muamalah Islam. [ 4 markah ]
- (b) Nyatakan pengertian bagi hukum berikut : [ 4 markah ]
- wajib
  - Haram
  - Makruh
  - sunat
- (c) (i) Syafiq telah memberikan sejumlah wang kepada pegawai polis supaya tidak mengambil tindakan ke atasnya kerana memandu kereta tanpa lesen.
- Berdasarkan situasi tersebut Syafiq telah terlibat rasuah. [ 4 markah ]  
Bincangkan kesan buruk rasuah kepada keselamatan negara.
- (d) Kes buang bayi merupakan masalah sosial yang membimbangkan.
- (i) Huraikan punca perkara ini masih berlaku dalam kalangan masyarakat. [ 2 markah ]
- (ii) Cadangkan **dua** usaha anda untuk menangani masalah ini. [ 4 markah ]

### KERTAS SOALAN TAMAT